



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1410

**AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN
DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja 30 Disember 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 31 Disember 2011

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

“(3) Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan kepada seseorang pekerja yang bersara di bawah seksyen 11 hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan yang jumlah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira baginya hendaklah dikira seolah-olah pekerja itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksanya, yang mana jua terpakai baginya.”.

Pindaan seksyen 6A**3. Seksyen 6A Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”;
- (b) dalam subseksyen (5A), dengan menggantikan perkataan “1 Julai 2008” dan “lima puluh lapan” masing-masing dengan perkataan “1 Januari 2012” dan “enam puluh”;
- (c) dalam subseksyen (5B)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008” masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “lima puluh enam tahun” perkataan “atau lima puluh lapan tahun”; dan
- (d) dalam subseksyen (5C), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”.

Pindaan seksyen 10**4. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”;
- (b) dalam subseksyen (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan “atau lima puluh lapan” dengan perkataan “, lima puluh lapan atau enam puluh”;
- (c) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008” masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”;
- (d) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”; dan
- (e) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”.

Pindaan seksyen 12

5. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “lima puluh lima”;
- (b) dengan memotong subseksyen (3B); dan
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “, lima puluh lima tahun, lima puluh enam tahun atau lima puluh lapan tahun” dengan perkataan “atau lima puluh lima tahun”.

Pindaan seksyen 13

6. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:

“(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan ‘enam puluh’ dengan perkataan ‘lima puluh lima’ atau ‘lima puluh enam’ atau ‘lima puluh lapan’, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan seksyen 16

7. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “dua belas tahun setengah”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “dua puluh tahun”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “22 atau”.

Pindaan seksyen 21**8. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) menunaikan perintah mahkamah yang dikeluarkan berhubung dengan perkara kebankrapan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengannya.”.

Pemotongan seksyen 22**9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 22.****Pindaan seksyen 26****10. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:

“(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik semula sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan ‘enam puluh’ dengan perkataan ‘lima puluh lima’ atau ‘lima puluh enam’ atau ‘lima puluh lapan’, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Kecualian dan peralihan

11. (1) Pindaan dalam perenggan 5(a) dan (b) Akta ini tidaklah menjejaskan pemberian pencen kepada seseorang pekerja yang sebelum 1 Januari 2012—

- (a) telah bersara pilihan;
- (b) telah melebihi umur lima puluh lima tahun; dan
- (c) telah mencapai umur persaraan paksanya.

(2) Pemberian pencen kepada seseorang pekerja yang sebelum 1 Januari 2012—

- (a) telah bersara pilihan;
- (b) telah melebihi umur lima puluh lima tahun; tetapi
- (c) belum mencapai umur persaraan paksanya,

hendaklah hanya dibuat mulai 1 Januari 2012.

(3) Pembayaran pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat di bawah seksyen 7 Akta ini kepada mana-mana orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan, jika tempoh dua belas tahun setengah telah habis sebelum 1 Januari 2012, hendaklah diuruskan sebagaimana yang berikut:

- (a) tempoh dua puluh tahun itu hendaklah dikira dari tarikh persaraan pekerja;
- (b) orang itu tidak berhak untuk mendapat pembayaran pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan bagi tempoh selepas habisnya tempoh dua belas tahun setengah hingga 31 Disember 2011; dan
- (c) pembayaran pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan itu hendaklah hanya dibuat mulai 1 Januari 2012.